

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

SMALL AND MEDIUM INDUSTRIES DEVELOPMENT EXHIBITION (SMIDEX) 2016



Penganjuran *Small and Medium Industries Development Exhibition (SMIDEX)* di bawah *SME Corporation Malaysia 2016* telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar pada 17 hingga 19 Mei 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pameran yang bertemakan "*SMEs: Rising to the Challenge*" ini telah berlangsung selama tiga hari telah memberi peluang kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Malaysia yang berdaya saing untuk menghasilkan serta mempromosikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Bagi menyokong usaha *SME Corporation Malaysia* dalam aktiviti promosi produk dan perkhidmatan PKS, Universiti telah mengambil inisiatif untuk mengambil bahagian dengan menghantar sebanyak empat produk penyelidikan. Diharapkan agar penyertaan dalam SMIDEX 2016 ini menjadi batu loncatan kepada penyelidik untuk mempamerkan hasil teknologi serta mengenalpasti rakan perniagaan yang berpotensi untuk menjalin kerjasama dalam pengkomersilan produk.



INTERNATIONAL INVENTION & INNOVATION EXHIBITION (ITEX) 2016

Perasmian *27th International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) 2016* telah disempurnakan oleh Menteri di Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau. Pertandingan penyelidikan dan inovasi kali ke-27 ini telah berlangsung selama tiga hari bermula pada 12 hingga 14 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Universiti telah menghantar sebanyak 24 penyertaan dan telah berjaya meraih 14 pingat emas dan 10 pingat perak. Sempena ITEX '16 ini juga, sesi pepadanan perniagaan "*Inventors Meet Investors*" telah diadakan pada hari ke-2 program. Seramai dua penyelidik telah mewakili Universiti dalam sesi pepadanan perniagaan iaitu Dr. Shahiron Shahidan (FKAAS) dan Profesor Madya Dr. Mohd Faiz Liew Abdullah (FKEE). Lebih membanggakan, universiti telah meraih tempat ketiga dalam kalangan keseluruhan penyertaan pusat pengajian tinggi awam dan swasta serta pusat penyelidikan di Malaysia selepas Malaysian Palm Oil Berhad (MPOB) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).



LAWATAN TEKNIKAL KE LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)

Lawatan teknikal ke Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah diadakan pada 19 Mei 2016. Lawatan ke Bahagian Teknologi dan Kejuruteraan, LGM telah diketuai oleh Profesor Dr. Mohd. Idrus Hj. Mohd Masirin selaku wakil *Research Centre for Soft Soil (RECESS)* bersama Ir. Dr. Raha Abd. Rahman dan Dr. Nor Hazurina Othman dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS). Seramai tujuh pelajar turut serta dalam lawatan ini iaitu pelajar Sarjana Muda tahun akhir, pelajar Sarjana dan Kedoktoran. Tujuan lawatan adalah untuk membina hubungan dua hala antara universiti dan industri dalam bidang penyelidikan getah khususnya dalam disiplin kejuruteraan awam dan alam sekitar. Dalam lawatan ini, pihak RECESS dan FKAAS telah menyampaikan hasrat untuk mengadakan kolaborasi bersama LGM melalui pertukaran teknologi dan idea dalam penyelidikan yang akan dilakukan.

